

Susulan banjir kilat di Kajang

40 peniaga rugi RM2.4j



>>Oleh Muhammad Saufi Hassan

saufi@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Lebih 40 pemilik premis perniagaan di Kajang dikatakan kerugian RM2.4 juta berikutan banjir kilat yang berlaku di beberapa kawasan di pekan itu, Jumaat lalu.

Pegawai Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Shariman Mohd Nor berkata, jumlah kerugian itu ditaksirkan Jabatan Penilaian MPKj dalam pemeriksaan inventori yang

dibuat pada hari kejadian bertujuan mendapatkan jumlah kerugian sebenar akibat bencana itu.

Menurutnya, fenomena banjir kilat itu bukan saja melanda pekan berkenaan, malah turut membabitkan beberapa kawasan lain seperti Semenyih, Bangi Lama, Jalan Jeluk, Kampung Kelapa dan Kampung Sungai Kantan.

"Berdasarkan pemeriksaan dilakukan, purata kadar hujan direkodkan kira-kira 71 milimeter (mm) melebihi paras normal iaitu hanya 40 mm manakala bagi amaran

banjir sekitar 60 mm.

"Berdasarkan rekod purata hujan itu, kejadian itu dipercayai akibat jumlah air luar biasa dan ia tiada kaitan dengan sistem saliran yang didakwa mempunyai masalah. Sistem saliran dalam keadaan baik, begitu juga rancangan tebatan banjir sekitar kawasan berkenaan," katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Shariman berkata, walaupun begitu, pihaknya sudah mengambil beberapa cadangan daripada orang ramai supaya menambah ketinggian tebing di kawasan itu

dan akan dicadangkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk tindakan lanjut.

Selain itu, beliau berkata, kerja pembersihan dijalankan sekitar Pasar Kajang oleh Jabatan Kejuruteraan dan Perkhidmatan Perbandaran MPKj pada hari sama kejadian untuk membolehkan pemilik premis perniagaan kembali beroperasi pada hari berikutnya.

Katanya, laporan kejadian itu akan dikemukakan kepada kerajaan negeri untuk tindakan lanjut dalam tempoh terdekat.

Resah apabila hujan

FOTO | Shahrul Hafiz Zam

KAJANG: Walaupun banjir kilat di Kajang pulih sepenuhnya selepas dinaiki air sedalam satu meter, Jumaat lalu akibat hujan lebat berterusan kira-kira dua jam, namun kebanyakan peniaga tetap resah setiap kali hujan tambahan terpaksa menghadapi musim tengkujuh selain mengharapkan pihak berkuasa segera mengambil tindakan mengatasi masalah itu.

Peniaga yang ditemui tetap bimbang setiap kali hujan tambahan terpaksa menghadapi musim tengkujuh selain mengharapkan pihak berkuasa segera mengambil tindakan mengatasi masalah itu.

Tinjauan Harian Metro ke lokasi berkenaan mendapati semua premis sudah memulakan operasi perniagaan seperti biasa termasuk institusi perbankan yang ditutup tiga hari lalu akibat banjir berkenaan.

Sebelum itu, banjir kilat turut mengakibatkan puluhan kenderaan tenggelam dan premis perniagaan di beberapa laluan utama di pekan berkenaan dimasuki air selepas hujan lebat dua jam bermula jam 2.30 petang.

Kejadian itu menenggelamkan beberapa jalan utama termasuk Jalan Bukit, Jalan Reko, Jalan Semenyih, Jalan Kampung Sungai Kantan dan Jalan Sungai Jelok.

Sementara itu, seorang pemilik restoran di kawasan itu, Amri Aziz, 62, ber-



PULIH...keadaan pekan Kajang kembali sesak selepas banjir, semalam.

kata banjir itu yang terburuk sejak 10 tahun lalu dan berharap sistem saliran sekitar kawasan itu diselenggara dengan sempurna bagi mengelak kejadian sama berulang.

Katanya, dia bersama pekerjaanya terpaksa mengalihkan beberapa barangan elektrik dalam restoran selepas menyedari paras air naik mendadak dipercayai berpunca sistem saliran tidak

sempurna.

"Saya berharap pihak berkenaan dapat memikirkan langkah terbaik bagi mengelak kejadian sama berulang kerana bimbang jika berlaku pada masa depan akan menjejaskan operasi perniagaannya dan menanggung kerugian.

"Pada pandangan saya, tindakan memperbesarkan lagi Sungai Langat mampu me-

nyelesaikan masalah ini berikutan laluan air kecil tidak boleh menampung kapasiti air yang banyak seperti hujan lebat dalam kejadian berkenaan," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Menurutnya, dia berharap pihak berkuasa berkenaan dapat segera menaik taraf sistem saliran sedia ada dan memikirkan langkah lain untuk kebaikan orang ramai.